

Headline	PUSPAKOM tawar pemeriksaan percuma		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Jan 2016	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	21	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	96 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,215
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,646



PUSPAKOM tawar pemeriksaan percuma

Alor Setar: Menjelang sambutan Tahun Baru Cina, Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) menawarkan perkhidmatan Pemeriksaan Kenderaan Suka-rela (VVI) secara percuma kepada pemilik kenderaan persendirian.

Pemeriksaan secara percuma itu akan diadakan di semua 55 cawangan PUSPAKOM di seluruh negara bermula 17 sehingga 29 Januari ini.

Ketua Operasi Perhubungan dan Khidmat Nasihat PUSPAKOM Datuk

Ooi Win Juat berkata, pemeriksaan percuma itu dilakukan susulan sambutan dan maklum balas menggalakkan daripada pemilik kenderaan.

“Selain daripada tanggungjawab korporat, program ini juga adalah inisiatif PUSPAKOM dalam memberi kesedaran kepada pemilik kenderaan terhadap keselamatan jalan raya.

“VVI lebih tertumpu kepada aspek keselamatan kenderaan seperti kecekapan sistem brek, cengkaman tayar dan be-

berapa aspek lain,” katanya kepada pemberita selepas Program Keselamatan Jalan Raya dan Program Pemeriksaan Kenderaan Persendirian Secara Percuma dengan Menggunakan Perkhidmatan Unit Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM, di pekarangan Stadium Darul Aman, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Perumahan negeri Datuk Tajul Urus Mat Zain yang merasmikan program itu.